



NOTIS MAKLUMAN

PENGOPERASIAN PUSAT KHIDMAT PELANGGAN IBU PEJABAT JUPEM DALAM FASA PERTAMA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

Selaras dengan kenyataan media oleh Ketua Setiausaha Negara pada 29 Jun 2021 mengenai Pengoperasian Perkhidmatan Kaunter bagi Pejabat Kerajaan dalam Fasa Pertama Pelan Pemulihan Negara (PPN). Sehubungan itu, **Pusat Khidmat Pelanggan (Perkhidmatan Kaunter) Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur akan kembali beroperasi mulai 1 Julai 2021 (Khamis) mengikut ketetapan berikut:**

Lokasi	Waktu Operasi
Pusat Khidmat Pelanggan (Perkhidmatan Kaunter)	<u>Isnin - Khamis:</u> 7.45 pagi - 12.30 tengah hari; 2.00 petang - 4.45 petang <u>Jumaat:</u> 7.45 pagi - 12.00 tengah hari; 2.45 petang - 4.45 petang <u>Sabtu/Ahad/Cuti Umum: Tutup</u> <i>*Bagi negeri-negeri lain, sila rujuk Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 8 Tahun 2005.</i>

Demi menjaga kesihatan dan kesejahteraan bersama serta memastikan kelancaran urusan para pelanggan, **Pusat Khidmat Pelanggan hanya akan menerima dan melayani pelanggan yang telah membuat janji temu sahaja. Janji temu boleh dibuat melalui talian 03-2617 0809 (Pegawai Bertugas) atau 03-2617 0800 samb. 599 / 019-821 5639 (Pegawai Penyelia).**

Urusan janji temu pelanggan ke Pusat Khidmat Pelanggan JUPEM hanya melibatkan perkhidmatan yang tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian.

Pihak JUPEM akan memastikan semua Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi setiap masa. Para pelanggan dikehendaki untuk mematuhi SOP semasa berurusan di Pusat Khidmat Pelanggan JUPEM sebagai langkah untuk mencegah penularan wabak COVID-19.

Walau bagaimanapun, para pelanggan adalah digalakkan untuk melakukan urusan melalui perkhidmatan dalam talian seperti berikut:

Perkhidmatan	Pautan
Pertanyaan	Web: https://www.jupem.gov.my/maklum-balas E-mel: hqweb@jupem.gov.my Telefon/WhatsApp: 019-429 4501 @ 019-727 4840 @ 012-741 5101
eBiz	Web: https://ebiz.jupem.gov.my/ E-mel: hqweb@jupem.gov.my Telefon/WhatsApp/Telegram: 016-520 6396
eKadaster	Web: https://www.jupem.gov.my/ekadaster E-mel: ekadaster@jupem.gov.my Telefon/WhatsApp: 012-653 6060
MyRTKnet	Web: http://www.rtknet3.gov.my/ https://www.myrtknet.gov.my/ E-mel: admin.myrtknet@jupem.gov.my Telefon/WhatsApp: 019-600 0171 @ 014-616 7649 @ 017-971 6558
Permit Penggambaran Udara	Web: https://ebiz.jupem.gov.my/PermohonanPermit E-mel: nizan@jupem.gov.my Telefon: 03-2617 0776 @ 03-2617 0734

Sebarang perubahan atau maklumat terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

30 JUN 2021



www.jupem.gov.my



@jupemKeTSA



@jupemKeTSA



jupemketsa